



**UCAPAN
YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2013
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG, KEDAH DAN PERLIS**

**PADA
24 Mac 2014 (Isnin)**

**MASA
11.00 pagi**

**TEMPAT
Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas
Pulau Pinang**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam 1
Malaysia,

Yang Berusaha Saudara/Saudari Pengacara
Majlis

YS PKPjB Hj Azmi bin Tamat

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pulau Pinang

YS PKPjB Ahmad bin Shahabudin

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Kedah

YS PgKB I Mohd Fadzil bin Haroon

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perlis

Penolong-penolong Pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Zon

**Ketua-ketua Balai, Pegawai-Pegawai Kanan,
Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-
puan yang saya hormati sekalian.**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis pada pagi yang berbahagia ini.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada YS Pengarah dan seluruh warga JBPM Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang buat julung kalinya menganjurkan Majlis Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang secara bersama yang merupakan satu sejarah di dalam jabatan dalam menyahut seruan langkah berjimat cermat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk menjadi seorang pegawai yang cemerlang, saya berpendapat kita mestilah berpegang kepada prinsip “Setiap tugas dan tanggungjawab adalah merupakan suatu amanah, dan ianya perlu dilakukan dengan sebaik mungkin.”

Selaku seorang pegawai bomba,”melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin” membawa maksud kita mestilah mempunyai

kecekapan yang tinggi, terlatih dan cergas. Adalah mustahil untuk kita melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin jika sekiranya kita tidak cergas dan tidak mempunyai latihan mencukupi. Pekerjaan sebagai seorang pegawai bomba, saya lihat sama sahaja dengan sebuah pasukan bola sepak di dalam pertandingan Liga Perdana (England). Untuk mencapai kecemerlangan, mana-mana pasukan perlulah cergas, mempunyai kemahiran yang tinggi dan menguasai dan menggunakan taktik yang betul. Ia akan lebih mantap lagi sekiranya pasukan itu mempunyai semangat juang yang tinggi dan semangat tidak ingin kalah dalam perjuangan. Inilah yang kita ingin lihat dalam diri setiap pegawai bomba.

Hasrat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi tidak akan tercapai sekiranya kita mempunyai sebuah pasukan yang lemah, yang tewas sebelum berjuang, Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini saya telah nampak banyak perubahan positif di dalam jabatan. Saya melihat kejayaan demi kejayaan, satu demi satu telah ditempa oleh jabatan baik di peringkat ibu pejabat mahupun di peringkat negeri. Pendek kata, kalau kita berpegang kepada prinsip *High Performance Organisation*, kejayaan akan menjadi rutin kepada kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kerajaan sentiasa menghargai pengorbanan dan segala usaha yang telah dilakukan oleh

penjawat awam dalam meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan. Hari ini misalnya, seramai 142 pegawai bomba dan kakitangan gunasama daripada JBPM Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis akan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Kita mengharapkan, bagi pegawai-pegawai yang menerima anugerah pada tahun ini, akan berusaha lebih gigih supaya lebih cemerlang lagi di masa hadapan. Bagi yang tidak berjaya pula, jangan berputus-asa, teruskan usaha. In Shaa Allah kejayaan akan tetap menjadi milik mereka yang berusaha.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Salah satu ciri yang perlu ada pada diri seseorang untuk menjadi seorang yang cemerlang ialah sikap “bersyukur”. Kita bersyukur kita berada di bawah naungan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ramai lagi yang di luar sana yang tercari-cari pekerjaan. Ada yang bekerja, tetapi tak tentu pendapatannya. Kita yang bernaung di bawah JBPM, telah ditentukan gaji dan pendapatannya. Kita bersyukur walaupun gaji kita kecil, tetapi kita boleh hidup senang sekiranya kita pandai mengatur kehidupan kita. Dalam keadaan ekonomi sekarang, dengan kenaikan harga barang, disana sini diperkatakan orang, orang yang bersyukur tidak akan banyak terjejas kerana ia berbelanja mengikut keperluan bukan

mengikuti perasaan. Orang bersyukur akan berpada dengan apa yang ada.

Sebenarnya saya merasa amat gusar dengan tekanan ekonomi yang ada pada hari ini kerana memikirkan pendapatan seorang pegawai bomba berpangkat rendah terutamanya yang baru memasuki perkhidmatan, tidaklah seberapa berbanding dengan keperluan harian yang semakin meningkat. Saya merasakan, kita tidak ada cara lain, selain dari kita menanam sikap bersyukur dengan apa yang ada. Kita bersyukur kerana ada orang lain yang lebih buruk nasibnya berbanding dengan kita. Sebagai tanda bersyukur, kita akan berusaha memajukan diri kita, kita akan bekerja bersungguh-sungguh dan merebut segala peluang yang ada didalam

jabatan untuk memperbaiki diri kita dan keluarga kita. Pendek kata seorang pegawai yang bersyukur ialah seorang pegawai yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cara yang terbaik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Semua penjawat awam terutamanya pegawai bomba perlu menjaga kesihatan dan kecergasan kerana bermula tahun ini, pegawai kerajaan akan bekerja sehingga berumur 60 tahun. Apa yang menjadi cabaran kepada kita ialah *“to get fit and healthy”* sehingga berumur 60 tahun supaya kita mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. Perkara ini perlu dirancang dari awal.

Banyak penyakit yang dihadapi oleh kita sekarang ini bukan berpunca dari jangkitan kuman tetapi adalah berpunca dari gaya hidup dan pemakanan. Dikatakan lebih 40% rakyat Malaysia adalah obes, angka yang tertinggi di kalangan Negara Asean. Sebagai tanda kita bersyukur, kita juga perlulah berusaha meningkatkan kecergasan dan kesihatan supaya kita dapat melaksanakan tugas dengan sempurna.

Sebelum mengakhiri ucapan, sebagai kesimpulannya, saya ingin bacakan sebuah petikan daripada sebuah buku yang berjudul Kerjaya dan Organisasi terbitan INTAN. Bunyinya begini:-

“Manusia merupakan golongan yang istimewa kerana boleh berfikir, berupaya melakukan pelbagai aktiviti serta boleh menilai berbanding makhluk lain yang boleh melakukan pelbagai aktiviti tetapi tidak boleh berfikir atau membuat penilaian. Dengan itu sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh manusia selalunya sudah difikirkan kesannya. Individu yang berjaya sentiasa berfikir secara matang sebelum menceburi sesuatu kerjaya. Dengan menceburi kerjaya itu, bermakna ia telah akur serta bersedia menerima pelbagai pandangan dan kritikan untuk maju. Ia juga perlu akur dengan syarat-syarat yang terdapat didalam kerjaya itu.

Setiap individu perlu memastikan bidang kerjaya yang dipilihnya merupakan kerjaya yang paling

diminati, terbaik dan member kepuasan maksima. Bagi memastikan kerjaya itu serasi dengannya, ia perlu bersikap terbuka dan boleh menerima hakikat bahawa sebagai pekerja, ia perlu berubah. Setiap individu perlu menganggap kerjaya merupakan tanggungjawab kepada organisasi, keperluan kepada masyarakat dan penyumbang kepada khalayak. Melalui cara ini, setiap individu akan bersedia untuk bertindak serta menghadapi setiap cabaran. Namun begitu, terdapat juga individu yang tidak berbuat demikian, golongan ini dianggap pemalas dan penggagal wawasan serta tidak memahami arah tuju organisasi.”

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita telah memilih kerjaya ini. Tidak ada sesiapa yang memaksa kita untuk berada disini, dan tidak juga ada sesiapa yang menghalang untuk kita keluar daripada organisasi ini. Kita telah memilih untuk terus berada disini.....berilah yang terbaik kepada organisasi yang kita pilih ini.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang anda telah tunjukkan selama ini,

dan terus mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Sama-samalah kita berdoa agar kita semua sentiasa dalam rahmat Allah SWT, dimudahkan rezeki dan dipanjangkan umur serta hidup dalam suasana yang damai dan hormani.

Sekian, saya sudahi dengan Wabbillahhi Taufiq
Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.